



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

'INI WARISAN KITA' SEBAGAI WADAH PERPADUAN MELALUI AKTIVITI KESUKARELAWANAN

KUDAT, 9 September 2023 – Program 'Ini Warisan Kita' Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah sedang berlangsung bermula **1 hingga 18 September 2023**. Misi ini dilaksanakan menerusi Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) di bawah inisiatif 'Ini Warisan Kita' yang diperkenalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam usaha **melestarikan perpaduan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang kepelbagaian khazanah warisan negara**.

Seramai **94 orang Pemimpin Sukarelawan Siswa dari seluruh negara** yang terdiri daripada mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG), Politeknik dan Kolej Komuniti yang terlibat dalam misi ini. **Enam (6) Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di tiga (3) Daerah di Negeri Sabah telah terpilih** iaitu Daerah Kudat melibatkan KRT Limbuak dan Terongkongan, Daerah Kota Marudu melibatkan KRT Pangkalan Bandau dan Singgamata dan Daerah Papar melibatkan KRT Bipisi dan Seri Serbang.

Kesemua **sukarelawan ini telah menjalani *Pre-Departure Training*** di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 1 hingga 4 September 2023, sebagai persediaan awal sebelum mereka masuk ke kawasan perkampungan untuk **membangunkan modal insan dan kepimpinan**. Antara **elemen yang ditekankan dalam sesi latihan** ini ialah pengurusan masa dan pasukan, pertolongan cemas, latar belakang penduduk, dan menyiapkan tugas yang akan dilaksanakan sepanjang 10 hari mereka berada di Kampung.

Enam (6) pilar kesukarelawanan yang menjadi fokus misi ini iaitu merangkumi perpaduan dan pemerikasaan komuniti, penambahbaikan pendidikan dan pembangunan kapasiti, kelestarian alam sekitar, program kesihatan, transformasi digital dan mobilisasi impak sosial. Keenam-enam pilar ini diimplementasikan dalam usaha untuk **meningkatkan kesejahteraan sosial individu dan masyarakat** dengan mengambil kira nilai ihsan, kasih sayang, dan nilai-nilai kemanusiaan yang lain. Ia juga dilihat mampu **mendorong masyarakat untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan** seperti membantu komuniti yang memerlukan, dan menyumbang kepada usaha amal sekaligus menjadi teras kepada **pengukuhan integrasi nasional dalam pembangunan negara yang**

multietnik dan multibudaya. Integrasi nasional adalah penting untuk memastikan keharmonian, stabiliti, dan perkembangan negara yang mampan, sebagai usaha berterusan untuk **memastikan semua lapisan masyarakat merasa sebahagian daripada entiti negara Malaysia dan menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan bersama.**

YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara menyatakan harapan agar pelaksanaan program ini dapat **meningkatkan kefahaman para pelajar mengenai adat resam dan cara hidup masyarakat tempatan melalui aktiviti kesukarelawanan.** “Ini Warisan Kita adalah salah satu pengisian utama dalam program *flagship* KPN iaitu Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Selain dapat meningkatkan pengalaman ‘*feel good factor*’, program seumpama ini berupaya **menyuntik semangat cinta kepada tanah air melalui penghayatan terhadap kepelbagaian khazanah** yang kita warisi sejak turun temurun lagi,” ujar YBhg. Dato' Indera Noridah.

Program yang **berkonsepkan 'immersion' dan 'right volunteers for the right job'** ini dilihat sangat bertepatan dengan hasrat Kerajaan dalam membangun Malaysia MADANI yang menerapkan elemen hormat-menghormati serta menjadikan warisan sebagai salah satu platform pengukuhan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

KPN melalui YSS turut memainkan peranan penting dalam membawa agenda perpaduan melalui aktiviti kesukarelawanan. Aktiviti tersebut membolehkan para sukarelawan menyalurkan idea dan tenaga dalam membantu membangunkan masyarakat sekaligus mendalami, menghayati dan menghormati komuniti setempat.

- TAMAT -

Kementerian Perpaduan Negara

9 September 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (52)